

# 195 graduan pertama TAS Academy dan UCPD terima sijil

NST 11/11/2011 11

KOTA KINABALU: Seramai 195 graduan pertama Tun Ahmadshah Abdullah Oil & Gas Academy (TAS Academy) dan UMS Link Pusat Pembangunan Professional (UCPD) masing-masing menerima sijil pada majlis penyampaian sijil graduan, di Grand Ballroom 1Borneo, di sini, kelmarin.

Daripada jumlah itu seramai 45 graduan daripada TAS Academy dianugerahkan Diploma Lanjutan dari Business and Technician Education Council of United Kingdom yang mendapat sokongan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam bidang kejuruteraan, elektrik, instrument, mekanikal dan pengeluaran minyak dan gas.

Manakala 150 graduan lagi adalah daripada UCPD iaitu lapan graduan sulung Diploma Eksekutif Pengurusan Masjid, enam graduan sulung Certificate in Paralegal Studies dan 136 graduan antarabangsa menerima sijil International Student Foundation Programme.

Kesemua sijil itu disampaikan oleh bekas Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Ahmadshah Abdullah.

TAS Academy ditubuhkan pada tahun 2008 dan UCPD pada tahun 2007, dikendalikan oleh UMS Link Holdings Sdn.Bhd dan UMS Link-SilverKris Sdn.Bhd.

Ketika berucap pada majlis itu, Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn.Bhd Datuk K.Y.Mustafa berkata, TAS Academy berhasrat untuk menjadi penyedia latihan minyak dan gas yang terbaik melalui prestasi, kualiti latihan dan program pembangunan yang dilaksanakan selaras dengan keperluan industri di rantau ini.

"Terima kasih kepada syarikat-syarikat minyak yang menyokong program ini dengan menerima pelajar kita sebagai pelatih di organisasi mereka seterusnya mengambil mereka sebagai pekerja," katanya.

Beliau berkata UCPD pula memberi peluang kepada golongan yang sudah bekerja meningkatkan ilmu dan kompetensi mereka agar menjadi pekerja yang lebih cemerlang.

"UCPD memberi tumpuan kepada program-program latihan dan pembangunan, program pembangunan luaran bagi sektor awam dan swasta," katanya.

Sementara itu pelajar cemerlang TAS Academy Dani Shamsuddin merakamkan penghargaan kepada penaja terutamanya Yayasan Tun Ahmadshah dan Malaysia International Shipping Corporation (MICS) Berhad atas bantuan dan sokongan kepada para pelajar TAS Academy.

"Terima kasih kepada pihak Shell terutamanya Terminal Minyak Labuan kerana menyokong kerjasama dalam penyediaan tempat latihan industri semasa pengajian kami berlangsung," katanya.

Beliau berkata pengalaman semasa menjalani latihan industri itu akan dipraktikkan sebaik mungkin untuk menghadapi dunia pekerjaan sebenar yang semakin mencabar.

"Saya sangat bertuah kerana bukan sahaja berjaya menamatkan pengajian dalam bidang minyak dan gas, malah diberi peluang untuk berkhidmat dalam projek Gumusut-Kakap.

"Ini adalah peluang yang sangat besar untuk berkecimpung dalam industri ini di mana pekerja mahir dan berpengetahuan luas amat diperlukan untuk menyumbang ke arah pembangunan industri ini pada masa hadapan," katanya. **-OLEH MARRYAN RAZAN**  
(marryan@newsabahtimes.com.my)